

LAMPIRAN 3

PENINGKADARAN SEMULA CAJ TABARRU' BAGI <UDR Plan>

Soalan-soalan Lazim (FAQ)

NO	SOALAN	JAWAPAN												
1	Mengapakah pengkadaran semula caj Tabarru' saya dibuat?	<p>Seperti yang anda sedia maklum, kos perubatan dan penjagaan kesihatan semakin meningkat dengan kadar dua digit¹ dalam tahun kebelakangan ini – diakibatkan oleh inflasi kos perubatan dan kekerapan yang lebih tinggi untuk mendapatkan rawatan.</p> <p>Di Zurich Takaful, kami komited untuk memastikan anda bukan sahaja dilindungi tetapi mempunyai akses kepada perkhidmatan dan rawatan perubatan apabila anda memerlukannya. Oleh sebab ini, kami akan kerap melakukan pengkadaran semula terhadap pelan perubatan kami berbanding kos penjagaan kesihatan. Pengkadaran semula perlu dilakukan bukan sahaja agar seiringan dengan kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat dan peningkatan tuntutan manfaat perubatan, tetapi lebih penting, ianya membantu untuk memastikan tiada gangguan kepada perlindungan perubatan anda.</p> <p>¹ Sumber : Laporan Trend Kadar Perubatan Global Aon Hewitt 2019</p>												
2	Bagaimanakah jumlah pengkadaran semula bagi caj Tabarru' dibuat?	<p>Bagi menentukan kadar pengkadaran semula, kami mengambil kira pelbagai faktor seperti kos sebenar penjagaan kesihatan, kadar inflasi penjagaan kesihatan semasa serta kemampuan pelanggan. Peratusan penambahan caj Tabarru' adalah berbeza dan bergantung kepada umur, jantina dan pelan yang anda sertai.</p>												
3	Mengapakah terdapat pengkadaran semula kepada caj Tabarru' sedangkan saya tidak pernah membuat sebarang tuntutan?	<p>Takaful perubatan beroperasi berdasarkan konsep Ta'awun (tolong menolong) di mana Tabarru' yang dikumpulkan akan digunakan untuk membayar tuntutan yang timbul. Disebabkan ini, semua sijil akan terkesan walaupun anda tidak pernah membuat tuntutan sebelum ini.</p>												
4	Adakah manfaat berubah selepas pengkadaran semula?	<p>Ya, kami akan mempertingkatkan manfaat seperti di bawah. Manfaat lain tidak akan berubah.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jadual Manfaat</th> <th>Manfaat Sedia Ada</th> <th>Manfaat Dipertingkatkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bonus Tiada Tuntutan</td> <td>MR150 – RM100 MR250 – RM150 MR300 – RM300 MR400 – RM400 MR600 – RM500 MR1500 – RM600</td> <td>MR150 – RM200 MR250 – RM250 MR300 – RM400 MR400 – RM500 MR600 – RM600 MR1500 – RM700</td> </tr> <tr> <td>Pendapat Perubatan Kedua</td> <td>RM1,000 setahun</td> <td>RM2,000 setahun</td> </tr> <tr> <td>Rawatan Pesakit Luar bagi Kemalangan dan Kecemasan</td> <td>Seperti yang Dicaj. Dalam masa 24 jam dan rawatan susulan sehingga maksimum 31 hari</td> <td>Seperti yang Dicaj. Dalam masa 72 jam dan rawatan susulan sehingga maksimum 31 hari</td> </tr> </tbody> </table>	Jadual Manfaat	Manfaat Sedia Ada	Manfaat Dipertingkatkan	Bonus Tiada Tuntutan	MR150 – RM100 MR250 – RM150 MR300 – RM300 MR400 – RM400 MR600 – RM500 MR1500 – RM600	MR150 – RM200 MR250 – RM250 MR300 – RM400 MR400 – RM500 MR600 – RM600 MR1500 – RM700	Pendapat Perubatan Kedua	RM1,000 setahun	RM2,000 setahun	Rawatan Pesakit Luar bagi Kemalangan dan Kecemasan	Seperti yang Dicaj. Dalam masa 24 jam dan rawatan susulan sehingga maksimum 31 hari	Seperti yang Dicaj. Dalam masa 72 jam dan rawatan susulan sehingga maksimum 31 hari
Jadual Manfaat	Manfaat Sedia Ada	Manfaat Dipertingkatkan												
Bonus Tiada Tuntutan	MR150 – RM100 MR250 – RM150 MR300 – RM300 MR400 – RM400 MR600 – RM500 MR1500 – RM600	MR150 – RM200 MR250 – RM250 MR300 – RM400 MR400 – RM500 MR600 – RM600 MR1500 – RM700												
Pendapat Perubatan Kedua	RM1,000 setahun	RM2,000 setahun												
Rawatan Pesakit Luar bagi Kemalangan dan Kecemasan	Seperti yang Dicaj. Dalam masa 24 jam dan rawatan susulan sehingga maksimum 31 hari	Seperti yang Dicaj. Dalam masa 72 jam dan rawatan susulan sehingga maksimum 31 hari												
5	Sekiranya saya tidak bersetuju untuk mendapatkan peningkatan manfaat baharu yang ditawarkan oleh Zurich Takaful, bolehkah pengkadaran Tabarru' dikurangkan?	<p>Tabarru' baharu ini dicadangkan berdasarkan pengalaman tuntutan sebenar serta inflasi perubatan. Kos untuk peningkatan manfaat adalah tidak ketara. Oleh itu, tiada perbezaan antara caj Tabarru' dengan atau tanpa manfaat tambahan.</p>												
6	Bilakah caj Tabarru' saya akan berubah?	<p>Caj Tabarru' baharu akan berkuatkuasa pada tarikh ulangtahun sijil akan datang pada atau selepas <repricing date>.</p>												
7	Apakah perbezaan di antara caruman dan caj Tabarru'?	<p><u>Caruman</u> Caruman adalah jumlah yang dibuat kepada Zurich Takaful bagi perlindungan takaful anda. Bagi sijil takaful berkaitan pelaburan, sebahagian caruman digunakan untuk menyertai di dalam dana berkaitan pelaburan tertentu selepas menolak caj pendahuluan bagi perbelanjaan takaful dan kos pengedaran terus.</p> <p><u>Caj Tabarru'</u> Caj Tabarru' ditolak secara bulanan daripada Akaun Pelaburan Peserta daripada sijil berkaitan pelaburan untuk membayar perlindungan / tuntutan takaful. Secara lazim, caj Tabarru' meningkat seiring dengan peningkatan usia.</p>												
8	Adakah saya perlu membuat jumlah caruman yang berbeza selepas pengkadaran semula?	<p>Nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) daripada sijil berkaitan pelaburan anda mungkin tidak mencukupi untuk menampung caj Tabarru' di masa hadapan. Maka, kami menggalakkan anda untuk mencarum sekurang-kurangnya caruman tambahan yang dicadangkan agar sijil anda mempunyai nilai APP yang mencukupi untuk menampung caj Tabarru' yang lebih tinggi.</p>												

9	<p>Adakah perlindungan sijil saya akan dikekalkan sehingga tempoh akhir kontrak selepas pengkadaran semula harga sekiranya saya ingin mencarum cadangan peningkatan caruman?</p>	<p>Cadangan peningkatan caruman melalui tambahan berkala Takaful Saver (MTSVR) hanya bertujuan untuk menampung peningkatan dalam caj Tabarru' akibat daripada pengkadaran semula ini. Anda harus merujuk kepada Penyata Berkaitan Pelaburan (Kecukupan Dana) yang disediakan untuk maklumat terperinci tentang kemampuan sijil anda secara keseluruhan dan mengambil tindakan yang diperlukan supaya kemampuan sijil anda akan dijamin sepanjang tempoh kontrak / tarikh matang.</p> <p>Anda boleh mengabaikan cadangan peningkatan caruman melalui tambahan berkala (MTSVR) dalam surat ini sekiranya anda telah mengambil tindakan untuk meningkatkan caruman berkala yang dicadangkan di bawah Pilihan 1 dalam Penyata Berkaitan Pelaburan (Kecukupan Dana) 2021 untuk kemampuan sijil anda sehingga tempoh kontrak / tarikh matang</p>
10	<p>Adakah saya mempunyai pilihan lain selain daripada mencarum caj Tabarru' yang telah diubah?</p>	<p>Anda mempunyai pilihan-pilihan berikut:</p> <p>a) Anda boleh memilih untuk mengekalkan perlindungan sedia ada dengan tidak meningkatkan jumlah caruman semasa. Walau bagaimanapun, nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) daripada sijil anda mungkin tidak mencukupi untuk menampung caj Tabarru' di masa hadapan dan ini mungkin akan menyebabkan penamatan sijil anda sebelum tempoh matang. Oleh itu, kami menggalakkan anda untuk meningkatkan caruman tambahan berkala ke jumlah yang dicadangkan di dalam surat anda. Dengan caruman tambahan berkala, ia akan membantu untuk memastikan kemampuan sijil tersebut; <i>atau</i></p> <p>b) Jika anda risaukan mengenai kemampuan untuk membuat caruman, anda boleh pilih untuk menyertai pelan perubatan dengan perlindungan yang lebih rendah, dengan syarat pelan perubatan anda bukan pelan yang terendah. Bagaimanapun, anda perlu membuat penilaian jika pelan perubatan yang lebih rendah dapat memenuhi keperluan perlindungan takaful anda.</p> <p>c) Sebagai alternatif, anda boleh mempertimbangkan manfaat tambahan perubatan yang lain contohnya pendapatan hospital yang ditawarkan oleh Zurich Takaful dengan manfaat yang berbeza daripada manfaat tambahan perubatan. Manfaat tambahan pendapatan hospital yang tersedia adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Hospital Benefit ii. Hospital & Surgical Benefit <p>Permohonan untuk manfaat tambahan pendapatan hospital ini adalah tertakluk kepada proses pengunderaitan serta terma dan syarat. Bagaimanapun, anda perlu hubungi Perancang Kewangan anda atau Pusat Panggilan Zurich untuk membuat penilaian tentang manfaat yang ditawarkan oleh manfaat tambahan ini sekiranya manfaat ini dapat memenuhi keperluan anda.</p> <p>Untuk pilihan yang dinyatakan di atas, anda boleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Lengkapkan dan hantar 'Borang Pemohonan untuk Penukaran' kepada cawangan Zurich Takaful yang terdekat <i>atau</i>; ii. Hubungi Perancang Kewangan anda <i>atau</i>; iii. Hubungi Pusat Panggilan Zurich di 1-300-888-622 <i>atau</i> e-mel kepada kami melalui callcentre@zurich.com.my <p>d) Untuk meningkatkan nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) daripada sijil anda, anda boleh memilih untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memendekkan tempoh sijil anda (jika ada) • Mengurangkan perlindungan anda (mengurangkan Jumlah Perlindungan Asas <i>atau</i>/dan mengeluarkan manfaat tambahan pematangan unit) <p>Walaupun bagaimanapun, penting untuk anda fahami, sebarang perubahan yang ingin anda lakukan pada sijil anda akan mempengaruhi jumlah perlindungan anda.</p> <p>Anda boleh menghubungi Pusat Panggilan Zurich di 1-300-888-622 <i>atau</i> e-mel kami melalui callcentre@zurich.com.my untuk sebarang pertanyaan.</p>
11	<p>Bolehkan saya memilih untuk meningkatkan jumlah caruman kepada jumlah selain yang dicadangkan?</p>	<p>Ya, anda boleh meningkatkan caruman anda dengan sebarang jumlah selain daripada yang dicadangkan. Namun, kami menggalakkan anda untuk mencarum sekurang-kurangnya caruman tambahan yang dicadangkan supaya sijil anda mempunyai nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) yang cukup untuk menampung peningkatan caj Tabarru'.</p> <p>Sila lengkapkan 'Borang Pemohonan untuk Penukaran' dan:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Serahkan kepada cawangan Zurich Takaful yang terdekat; <i>atau</i> ii. Hubungi Perancang Kewangan anda <i>atau</i>; <i>atau</i> iii. Hubungi Pusat Panggilan Zurich di 1-300-888-622 <i>atau</i> e-mel kami melalui callcentre@zurich.com.my

12	Jika sijil saya di bawah taraf pengecualian caruman (pengecualian caruman yang dibuat), adakah saya perlu membuat peningkatan caruman tersebut?	<p>Bagi sijil yang di bawah status pengecualian caruman (pengecualian caruman yang dibuat), caj Tabarru' akan meningkat semasa ulangtahun sijil tetapi jumlah pengecualian caruman akan kekal sama. Dengan caj Tabarru' yang lebih tinggi, berkemungkinan nilai Akaun Pelaburan Peserta di dalam sijil tidak mencukupi untuk membayar caj Tabarru' di masa hadapan.</p> <p>Maka, kami menggalakkan anda membuat peningkatan caruman yang dicadangkan supaya tidak mempengaruhi kemampunan sijil anda.</p>										
13	Jika manfaat tambahan pengecualian caruman telah disertakan dengan sijil, adakah jumlah perlindungan pengecualian bagi manfaat tambahan ini juga ditingkatkan?	<p>Apabila anda meningkatkan caruman anda, kami akan menyelaraskan jumlah perlindungan manfaat tambahan kepada jumlah caruman sijil anda termasuk caruman tambahan berkala. Ini akan mengakibatkan caj tabarru' yang lebih tinggi memandangkan jumlah perlindungan manfaat tambahan ini telah meningkat.</p>										
14	Adakah pengkadaran semula baharu akan dibuat pada masa hadapan?	<p>Kami akan memantau secara berterusan pelan perubatan kami dan membandingkan dengan kos penjagaan kesihatan secara berkala dan dengan sedaya upayanya, kami akan menguruskan kos penjagaan kesihatan secara aktif bersama dengan pihak hospital. Sekiranya terdapat pengkadaran semula baharu pada masa hadapan, kami akan membuat pemberitahuan sewajarnya.</p>										
15	<p>Bagaimana cara untuk saya meningkatkan caruman semasa melalui tambahan berkala seperti yang dicadangkan? Apakah prosedur yang perlu diikuti?</p> <p>Anda boleh meningkatkan caruman tambahan berkala seperti yang dicadangkan di dalam surat pemberitahuan dengan melengkapkan "Slip Jawapan" yang disertakan dan mengembalikan slip tersebut kepada cawangan Zurich Takaful Malaysia Berhad yang berdekatan. Sila maklum bahawa slip yang lengkap mesti dihantar kepada kami selewat-lewatnya <Tarikh Ulangtahun Sijil + 30 hari>.</p> <p>Cadangan jumlah caruman baharu akan berkuatkuasa daripada tarikh akhir caruman sijil berikutnya.</p> <p>Bergantung kepada cara pembayaran caruman semasa anda, anda perlu berurusan dengan bank anda supaya kami boleh membuat pemotongan caruman baharu daripada anda. Sila rujuk jadual di bawah untuk keterangan selanjutnya.</p> <table border="1" data-bbox="156 987 1465 1659"> <thead> <tr> <th data-bbox="156 987 496 1016">Cara pembayaran semasa</th> <th data-bbox="496 987 1465 1016">Apakah tindakan yang perlu saya lakukan?</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="156 1016 496 1256">Tunai/Cek</td> <td data-bbox="496 1016 1465 1256"> <p>Tiada sebarang perubahan kepada cara pembayaran semasa.</p> <p>Untuk kemudahan anda, kami menyarankan anda untuk menukar kepada kad kredit/debit. Sila muat turun Borang Auto Debit Visa/MasterCard di https://bit.ly/ZurichAutoDebitBM</p> <p>Sila serahkan Borang Auto Debit Visa/MasterCard yang lengkap kepada kami.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="156 1256 496 1339">Kad Kredit atau Debit, Auto-Debit (Tanpa had jumlah transaksi)</td> <td data-bbox="496 1256 1465 1339"> <p>Tiada sebarang perubahan kepada cara pembayaran semasa.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="156 1339 496 1585">Auto-Debit (Dengan had jumlah transaksi)</td> <td data-bbox="496 1339 1465 1585"> <p>Anda perlu melengkapkan Borang Pemberikuasaan Debit Terus dan serahkan kepada kami. Ini membolehkan kami membuat pemotongan cadangan jumlah caruman baharu daripada akaun bank anda. Sila muat turun Borang Pemberikuasaan Debit Terus di https://bit.ly/ZurichDirectDebit</p> <p>Jika had maksimum di dalam borang auto debit akaun bank anda adalah lebih rendah daripada cadangan jumlah caruman baharu, anda perlu menyerahkan borang baharu kepada bank untuk menukar had maksimum.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="156 1585 496 1659">Arahan Tetap dengan bank</td> <td data-bbox="496 1585 1465 1659"> <p>Sila berurusan dengan bank anda untuk menukar Arahan Tetap supaya cadangan jumlah caruman baharu yang tepat boleh dikirimkan kepada kami.</p> </td> </tr> </tbody> </table>		Cara pembayaran semasa	Apakah tindakan yang perlu saya lakukan?	Tunai/Cek	<p>Tiada sebarang perubahan kepada cara pembayaran semasa.</p> <p>Untuk kemudahan anda, kami menyarankan anda untuk menukar kepada kad kredit/debit. Sila muat turun Borang Auto Debit Visa/MasterCard di https://bit.ly/ZurichAutoDebitBM</p> <p>Sila serahkan Borang Auto Debit Visa/MasterCard yang lengkap kepada kami.</p>	Kad Kredit atau Debit, Auto-Debit (Tanpa had jumlah transaksi)	<p>Tiada sebarang perubahan kepada cara pembayaran semasa.</p>	Auto-Debit (Dengan had jumlah transaksi)	<p>Anda perlu melengkapkan Borang Pemberikuasaan Debit Terus dan serahkan kepada kami. Ini membolehkan kami membuat pemotongan cadangan jumlah caruman baharu daripada akaun bank anda. Sila muat turun Borang Pemberikuasaan Debit Terus di https://bit.ly/ZurichDirectDebit</p> <p>Jika had maksimum di dalam borang auto debit akaun bank anda adalah lebih rendah daripada cadangan jumlah caruman baharu, anda perlu menyerahkan borang baharu kepada bank untuk menukar had maksimum.</p>	Arahan Tetap dengan bank	<p>Sila berurusan dengan bank anda untuk menukar Arahan Tetap supaya cadangan jumlah caruman baharu yang tepat boleh dikirimkan kepada kami.</p>
Cara pembayaran semasa	Apakah tindakan yang perlu saya lakukan?											
Tunai/Cek	<p>Tiada sebarang perubahan kepada cara pembayaran semasa.</p> <p>Untuk kemudahan anda, kami menyarankan anda untuk menukar kepada kad kredit/debit. Sila muat turun Borang Auto Debit Visa/MasterCard di https://bit.ly/ZurichAutoDebitBM</p> <p>Sila serahkan Borang Auto Debit Visa/MasterCard yang lengkap kepada kami.</p>											
Kad Kredit atau Debit, Auto-Debit (Tanpa had jumlah transaksi)	<p>Tiada sebarang perubahan kepada cara pembayaran semasa.</p>											
Auto-Debit (Dengan had jumlah transaksi)	<p>Anda perlu melengkapkan Borang Pemberikuasaan Debit Terus dan serahkan kepada kami. Ini membolehkan kami membuat pemotongan cadangan jumlah caruman baharu daripada akaun bank anda. Sila muat turun Borang Pemberikuasaan Debit Terus di https://bit.ly/ZurichDirectDebit</p> <p>Jika had maksimum di dalam borang auto debit akaun bank anda adalah lebih rendah daripada cadangan jumlah caruman baharu, anda perlu menyerahkan borang baharu kepada bank untuk menukar had maksimum.</p>											
Arahan Tetap dengan bank	<p>Sila berurusan dengan bank anda untuk menukar Arahan Tetap supaya cadangan jumlah caruman baharu yang tepat boleh dikirimkan kepada kami.</p>											